



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

LAPORAN SIASATAN EAIC KE ATAS ADUAN TERHADAP JABATAN ALAM SEKITAR IBU PEJABAT DAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

***UNTUK SIARAN SEGERA
4 DISEMBER 2025***

EAIC telah menerima aduan terhadap Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat dan JAS Negeri Sembilan melibatkan tindakan terhadap satu kes pelupusan bahan terjadual secara haram di Bukit Pelandok, Negeri Sembilan.

EAIC telah selesai menjalankan siasatan ke atas aduan tersebut dan memutuskan untuk merujuk hasil siasatan dan syor kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Ketua Pengarah (KP) JAS dan Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) JAS untuk tindakan tatatertib diambil terhadap Pegawai-Pegawai JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri Sembilan yang terlibat.

Hasil siasatan ini akan turut dipanjangkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan dimaklumkan kepada umum dalam tempoh masa terdekat.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**